

27/07/1998

Pulau Perhentian perlu dimajukan

Ibrahim Bin Ismail

SAYA tertarik dengan berita beberapa kumpulan pelancong asing mengguna kapal mewah singgah di Pulau Perhentian. Ini adalah satu petanda baik bukan saja bagi pengusaha pelancongan di pulau itu, malah juga seluruh penduduk Besut.

Pelbagai acara lawatan boleh diatur untuk pelancong berkenaan melawat tempat yang menarik serta membeli belah termasuk buah-buahan tempatan.

Bayangkan sekurang-kurangnya tiga atau empat ribu pelancong tiba di Pulau Perhentian pada satu masa tertentu.

Apakah aktiviti yang perlu mereka buat dan ke manakah mereka akan dibawa melawat? Soalan ini perlu dijawab oleh pihak yang bertanggungjawab dan pengusaha pelancongan tempatan.

Selain itu, perlu juga difikirkan daya tarikan dan kemudahan asas lain yang masih jauh ketinggalan berbanding sesetengah negeri lain.

Satu perancangan teliti perlu difikir dan dilaksanakan dengan segera. Bekalan elektrik dan air di Pulau Perhentian masih menjadi tanda tanya. Beratus chalet dan berpuluh restoran di pulau itu masih bergantung kepada usaha masing-masing yang menyebabkan masalah besar dan peningkatan kos.

Pelancong asing pernah mempertikaikan kebersihan dan keselamatan air perigi. Tandas awam, taman, tempat berehat dan kebersihan sekeliling amat diperlukan.

Setiap tahun boleh dikatakan ada saja produk baru diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Usaha seumpama itu sudah tentu menarik perhatian umum. Sayangnya kebanyakan produk pelancongan baru itu lebih mirip kepada hiburan, terutama untuk penduduk tempatan.

Malangnya produk sedia ada terutama yang berbentuk keindahan alam sekitar kurang mendapat perhatian sewajarnya. Keutamaan diberi kepada produk yang berupa pesta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berulang kali mengingatkan kita betapa pentingnya tukaran wang asing terutama dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Kita sedia maklum perusahaan pelancongan terutama yang dapat menarik pelancong asing adalah terpenting dan perlu tumpuan sepenuhnya.

Pulau Perhentian adalah satu-satunya pulau yang tercantik di dunia dan dikunjungi ramai pelancong asing setiap tahun, terutama dari Eropah.

Bilangan pelancong asing itu bertambah dengan ketibaan kapal mewah yang membawa beribu pelancong asing. Tidakkah kita terfikir pulau itu memerlukan perhatian istimewa pihak tertentu dan orang ramai? Berapa lamakah perlu kita menunggu untuk mendapatkan bekalan elektrik dan air?